




KECERDASAN SPIRITUAL

Modul Latihan :
Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik
Membangunkan Kecerdasan Spiritual

DR. ROHANA BT HAMZAH & DR ZURAINA ALI



Dr. Rohana Binti Hamzah merupakan anak kelahiran Pahang. Beliau telah memulakan kerjaya dalam bidang akademik dengan berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia semenjak tahun 1997. Kini beliau menyambung perkhidmatan di Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang setelah berkhidmat di UTM selama 18 tahun. Bidang pendidikan dan penyelidikan yang dipelopori oleh beliau ialah pendekatan pendidikan integrasi holistik. Modul ini di hasilkan dengan tujuan berkongsi dengan para pendidik dan pelajar tentang pendekatan ini dan bagaimana ia digunakan untuk membangunkan potensi kecerdasan spiritual pelajar dan seterusnya menjadikan pendekatan pendidikan lebih bermakna. Diharap dengan lahirnya modul ini ia dapat membantu para pendidikan meneruskan usaha membangunkan potensi pelajar dengan lebih menyeluruh dalam apa jua bidang pendidikan sekalipun.



Zuraina Ali adalah seorang pensyarah Bahasa Inggeris di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Beliau dilahirkan di Tg. Api Kuantan, Pahang dan telah berkhidmat di dalam bidang pendidikan selama 16 tahun. Beliau menerima pendidikan rendah di sekolah Methodist sementara disekolah menengah beliau menerima pendidikan agama di Sek. Men. (A) Al-Ihsan. Beliau aktif didalam penyelidikan terutamanya didalam bidang Bahasa Inggeris dan kemahiran insaniah. Antara penyelidikan beliau adalah berkenaan dengan keusahawanan, komunikasi, pembelajaran *e-learning*, pembelajaran kooperatif dan sebagainya. Selain itu, beliau juga pernah menjadi penceramah yang dijemput oleh Jabatan Pendidikan Pahang sempena Hari Inovasi. Beliau juga aktif membuat perundingan dipelbagai agensi seperti HICOM Automotive Manufacturers (AMM), Pahang State Secretary Office dan Kuantan Nursing College.